



JELAS...Mohamed Said memberi amanat kepada sebahagian pelajar UMP yang menyertai kursus.

## 543 pelajar UMP sertai kursus asas kenegaraan

**K**UANTAN: Seramai 543 pelajar tahun satu Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai kursus asas kenegaraan yang pertama kali diperkenalkan di lima kem seluruh negara.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata ini kali pertama pihaknya mewajibkan pelajar tahun satu menyertai kursus asas kenegaraan.

Menurutnya, kursus lima hari itu diharap dapat membentuk dan memupuk semangat cintakan negara kepada pelajar walaupun ketika bekerja di luar negara.

Kursus dikendalikan Biro Tatanegara, Jabatan Perdana

Menteri itu membabitkan beberapa modul penting bagi memastikan matlamat penganjuran kursus tercapai.

"Saya berharap kursus asas kenegaraan ini mencapai tujuan dan matlamat kerajaan yang mahu memastikan penghijrahan tenaga pakar tempatan tidak berleluasa.

"Negara memerlukan kepakaran anak tempatan dalam semua bidang," katanya pada Majlis Pelancaran Perasmian Kursus Asas Kenegaraan di Dewan UMP, semalam.

Pelajar, Marizuana Mat Daud, 20, berkata kursus asas kenegaraan itu diharap memberi kesan positif kepadanya.

Handan Meho (sempat)  
Rabu 13/2/08 pg: 19